

MODENISASI, MASYARAKAT MALAYSIA DAN ICT: ISU, CABARAN DAN PENYELESAIAN

Oleh:

**Prof. Madya Dr. Mohd. Noor Mat Yazid,
Program Hubungan Antarabangsa,
Sekolah Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sabah,
Kota Kinabalu.**

Sinopsis.

Kertas kerja ini membincangkan modenisasi, kemodenan yang dicapai oleh masyarakat Malaysia, pengaruh dan hubungannya dengan ICT serta cabaran dan penyelesaian yang mungkin dapat dilakukan. Semakin tinggi tahap kemodenan dan urbanisasi (dikaitkan dengan proses perbandaran dan penerapan masuk unsur-unsur moden ke dalam masyarakat yang pada asalnya mengamalkan amalan tradisi dan nilai-nilai serta amalan murni agama dan budaya asal) maka akan semakin menurunnya nilai agama, moral dan etika yang dipegang oleh sesebuah masyarakat sebelum ini. Ianya mempunyai hubungan songsang di antara nilai agama/budaya dan tingkat perbandaran/pemodenan. Kertas kerja ini membincangkan perkara iaitu; pertamanya, perbincangan asas yang melihat hubungan songsang di antara urbanisasi/tahap kemodenan yang dicapai dengan nilai-nilai tradisi, agama, moral dan etika yang dipegang dan diamalkan; keduanya perbincangan mengenai beberapa isu terpilih/cabarans-cabarans semasa masyarakat akibat daripada berkembang dan meluasnya pengaruh dan penggunaan ICT dalam kehidupan kini; dan ketiganya beberapa cadangan kepada masalah yang timbul bagi mengelakkan kesan negatif akibat daripada semakin meluasnya pengaruh ICT dan semakin rendah/keruntuhan nilai-nilai tradisi, agama, moral dan etika. Kertas kerja ini merumuskan bahawa pengaruh ICT dalam tahap kemodenan dan kehidupan masa kini tidak dapat dielakkan. Ianya telah menjadi sebahagian daripada kehidupan yang akan terus meningkat penggunaan dan pengaruhnya. Bagi mengelak/mengurangkan kesan negatif dan menghancurkan nilai-nilai positif budaya masyarakat kita, semua pihak dan dari berbagai peringkat mestilah memainkan peranan mengukuhkan nilai agama, moral dan etika masyarakat kita, khususnya bagi generasi muda.

PENGENALAN.

Kertas kerja ini membincangkan modenisasi dan tahap kemodenan yang dicapai oleh masyarakat Malaysia, pengaruh dan hubungannya dengan ICT serta cabaran dan penyelesaian yang mungkin dapat dilakukan. Pada umumnya diterima bahawa semakin tinggi tahap kemodenan/urbanisasi (dikaitkan dengan proses perbandaran dan penerapan masuk unsur-unsur moden ke dalam masyarakat yang pada asalnya mengamalkan amalan tradisi dan nilai-nilai serta amalan murni agama dan budaya asal dalam sesebuah masyarakat) maka akan semakin menurunnya nilai agama, moral dan etika yang dipegang sebelum ini. Ianya mempunyai hubungan songsang di antara nilai agama/budaya dan tingkat perbandaran/pemodenan. Perbincangan dalam kertas kerja ini ditumpukan kepada beberapa perkara, iaitu pertamanya perbincangan kenyataan yang umumnya diterima iaitu semakin tinginya tahap kemodenan dalam sesebuah masyarakat, maka semakin menurunnya nilai-nilai tradisi dan agama yang diamalkan. (perkara ini dibincangkan secara ringkas dalam pengenalan kertas kerja) Tumpuan perbincangan kedua adalah isu-isu/cabaran semasa terpilih dalam aspek-aspek tertentu berdasarkan apa yang digariskan dalam proses modenisasi sesebuah masyarakat. Perbincangan seterusnya adalah beberapa cadangan bagi menyelesaikan masalah dan cabaran semasa yang dihadapi. Kertas kerja ini merumuskan bahawa kerjasama daripada berbagai pihak dan peringkat adalah perlu bagi membentuk keharmonian dan kestabilan masyarakat khususnya bagi generasi muda.

PANDANGAN ASAS MENGENAI KEMODENAN DAN NILAI-NILAI TRADISI/BUDAYA ASAL MASYARAKAT MALAYSIA SERTA PERKEMBANGAN INFORMATION TECHNOLOGY (IT) DAN COMMUNICATION TECHNOLOGY (CT).

Bahagian ini akan membincangkan pandangan asas yang umumnya diterima mengenai hubungan di antara unsur-unsur moden (yang dibawa masuk ke dalam sesebuah masyarakat) dan nilai-nilai budaya, agama dan unsur-unsur tradisi. Hubungan songsang berlaku di antara urbanisasi/tahap kemodenan yang dicapai dengan nilai-nilai tradisi, agama, moral dan etika yang dipegang dan diamalkan oleh anggota dalam sesebuah masyarakat. Hubungan songsang di sini bermaksud semakin banyak unsur-unsur moden dibawa masuk kedalam sesebuah masyarakat, maka unsur-unsur tradisi, nilai moral dan agama yang dipegang oleh sesebuah masyarakat itu semakin menjadi semakin sedikit dan lemah.

Modernisasi dalam konteks perbincangan ini adalah merujuk kepada unsur-unsur moden daripada dunia maju di bawa masuk ke dalam Negara sedang membangun. Negara-negara maju ini biasa dirujuk kepada Negara-neagar Amerika Utara (Amerika Syarikat dan Kanada) dan Negara-negara maju di Eropah Barat seperti United Kingdom, Perancis, Belanda, Jerman dan sebagainya. Melalui proses modernisasi ini Negara-negara sedang membangun (seperti Malaysia) akan terdedah kepada unsur-unsur moden dan budaya barat. Anggota masyarakat yang menerima unsur-unsur

moden Barat ini akan mengubah cara hidup, cara bertindak dan budayanya.

Di antara cara atau saluran permindahan unsur-unsur Barat ini adalah berbeza dari masa ke semasa. Dalam zaman penjajahan dan awal kemerdekaan adalah berbeza dengan tahun-tahun selepas merdeka dan sejak akhir tahun 1990-an hingga kini. Sehingga zaman sebelum berkembangnya *Information and Communication Technology* (ICT) yang canggih seperti yang sedang berkembang sekarang pengaliran unsur-unsur yang disifatkan sebagai ‘moden’ dapat dikawal dengan lebih berkesan. Unsur-unsur yang dibawa masuk adalah lebih disifatkan sebagai ‘unsur-unsur yang positif’ bagi perkembangan teknologi dan pembangunan negara. Pada peringkat itu pengaliran unsur-unsur moden dapat dikawal dengan lebih berkesan kerana sifat saluran unsur-unsur ‘moden’ yang terdapat pada masa itu seperti televisyen, akhbar-akhbar dan majalah bercetak. Pengawalannya lebih senang dan lebih berkesan. Pihak kerajaan melalui kementerian dan badan-badan tertentu dapat menyalurkan unsur-unsur moden kepada kumpulan sasaran dengan teratur dan terkawal.

Keadaan telah berubah dengan perkembangan terkini dalam ICT . Bukan lagi bersifat *information Technology* (IT) dan juga *communication technologi* (CT) tetapi gabungan di antara *information technology* dan *communication technology* (CT) dan kini lebih tepat dipanggil sebagai ICT. Penggunaannya sangat meluas dan tiada had. Ketika tahap awal pengenalan komputer, ianya lebih bersifat guna sama yang hanya terdapat di pejabat-pejabat dengan kapasiti dan penggunaan yang terhad. Kemudiannya berkembang kepada penggunaan computer peribadi yang

juga terhadap kepada individu tertentu dan masih di hadkan oleh keupayaan kewangan tetentu. Seterusnya berkembang computer riba tetapi juga terhad penggunaanya keranakekangan harga dan keupayaan kewangan tertentu. Pada peringkat awal ianya lebih bersifat sebagai *information technology* (IT), tetapi tidak sebagai *communication technology* (CT) secara meluas. Komputer riba di Malaysia dalam tahun 1990-an masih bersifat sebagai alat informasi dan belum meluas fungsi komunikasinya.

Kini keadaan telah berubah jauh daripada apa yang berlaku dalam akhir 1980-an atau 1990-an. Sejak awal tahun 2000-an komputer riba sudah sepenuhnya berfungsi sebagai ICT iaitu befungsi sebagai alat informasi dan komunikasi bahkan fungsi-fungsi lain yang tersangat canggih yang tidak pernah terfikir pun fungsinya dalam masa 10 atau 15 tahun lalu.

Keupayaan dan kemahiran generasi muda/remaja dalam penggunaan dan kemahiran ICT jauh lebih baik secara bandingan dengan generasi yang lebih tua. Dengan menggunakan computer riba (yang berharga berpatutan/ yang mampu dimiliki) seseorang remaja boleh mendapat apa juga maklumat yang diperlukannya tanpa sebarang halangan. Seluruh maklumat yang bersifat ‘global’ hanya berada di hujung jarinya. Seseorang boleh berhubung dan bertukar-tukar maklumat dengan sesiapa sahaja tanpa diketahui oleh sesiapa (dan juga mungkin tidak kenal siapa sebenarnya yang seseorang itu sedang berhubung). Pertembungan akan berlaku di sini (khususnya bagi anak-anak remaja) kerana kecanggihan teknologi ICT di satu pihak dan pengawalan/ketahanan diri yang masih lemah. Ketidak-seimbangan ini akan membawa kesan yang negatif kepada

seseorang, khususnya generasi muda remaja. Situasi ini akan boleh memungkinkan seseorang itu akan terperangkap dalam keadaan ini dan ada pihak yang mengambil peluang menyalah-gunakan kemudahan ICT ini dan melakukan sesuatu yang tidak bertanggungjawab.

Proses modernisasi iaitu pengaliran unsur-unsur moden yang positif bagi meningkatkan tahap pemodenan masyarakat Malaysia menjadi terhalang atau terganggu dengan ketidak-seimbangan penggunaan ICT di antara unsur-unsur yang negatif dan positif oleh golongan muda/remaja. Proses modernisasi yang diharapkan akan berlakunya pengaliran masuk unsur-unsur positif dalam aspek teknologi, perindustrian dan nilai-nilai Barat yang positif yang diharapkan dapat meningkatkan tahap teknologi, kadar perindustrian yang lebih baik, produktiviti ekonomi serta pembangunan sosial kurang tercapai. Persoalan penyalahgunaan dan kesan-kesan yang negatif ini akan dibincangkan dalam bahagian isu-isu dan beberapa cabaran terpilih berikutnya.

ISU-SU/CABARAN TERPILIH BEBERAPA SALAHGUNA DAN KESAN NEGATIF ICT.

Perbincangan dalam bahagian ini akan ditumpukan kepada beberapa isu terpilih/cabaran-cabaran semasa masyarakat akibat daripada berkembang dan meluasnya pengaruh dan penggunaan ICT dalam kehidupan kini. Dalam kertas kerja dan pembentangan yang ringkas ini adalah tidak mungkin penulis dapat menghuraikan keseluruhan cabaran-cabaran dan isu-isu yang berkaitan dengan pengaruh dan penggunaan ICT dalam

proses modenisasi masyarakat Malaysia. Bagi tujuan ini dan bersesuaian dengan audien, penulis akan memfokuskan perbincangan kepada beberapa isu berkaitan dengan generasi muda dan beberapa contoh salah guna ICT. Di antara perkara yang akan disentuh adalah melayari sumber-sumber/cerita-cerita atau gambar-gambar yang tidak bermoral; berhubung rapat dengan orang yang tidak dikenali secara terbuka dan penuh percaya dan; terlibat atau melibatkan dengan penipuan-penipuan berbentuk kewangan secara terlindung. Tiga perkara ini sekadar mengambil contoh-contoh mudah yang sentiasa berlaku bagi tujuan perbincangan dengan audien yang hadir (bukan perbincangan yang benar-benar bersifat akademik).

1.Melayari sumber-sumber/cerita-cerita atau gambar-gambar yang tidak bermoral. Perkara ini nampak seolah-olah satu perkara kecil, tetapi mempunyai kesan yang besar kepada psikologi dan tindak-tanduk remaja. Akibat daripada sistem pemakanan dan taraf hidup di Malaysia, (khususnya di kawasan Bandar) umumnya seseorang yang berumur 13 tahun ke atas telah mempunyai tahap kematangan biologi yang mencukupi untuk menjadi seorang ibu atau bapa. Bermakna seseorang perempuan itu telah mampu mengandung dan melahirkan bayi, (telah timbul keinginan sex) tetapi dari segi sosial (dan keperluan sosial dan ekonominya) seseorang itu dalam konteks masyarakat Malaysia kini dia masih belum mampu. Dia masih memerlukan masa di antara 8-10 tahun lagi bagi menamatkan pengajian, mendapatkan pekerjaan yang sesuai (terjamin kewangannya) dan kemudiannya mendirikan keluarga. Dengan melayari gambar-gambar dan cerita-cerita sex (atau berunsur sex) ini boleh meningkatkan ransangan dan keinginan melakukan hubungan sex.

Seseorang remaja bukan tidak mengetahui bahawa hubungan sex luar nikah adalah berdosa, risiko yang besar dan akan menghadapi kesan yang buruk bagi masa depannya, tetapi ketidak-seimbangan rohani, sosial dan keinginan biologinya menyebabkan seseorang itu ter dorong melakukan hubungan kelamin luar nikah. Meningkatnya bilangan remaja berumur di antara 13-20 tahun yang sanggup melakukan hubungan sex dengan rela dipercayai mempunyai hubungan dengan sumber-sumber gambar/cerita daripada ICT yang berleluasa dan tidak terkawal. Ianya juga mempunyai hubungan dengan kes pembuangan bayi yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini.

2.Berhubung rapat dengan orang yang tidak dikenali secara terbuka dan penuh percaya. Kemudahan ICT juga telah membuka ruang yang sangat luas bagi seseorang mengenali dan berhubung dengan seseorang secara lebih bebas dan terbuka. Seorang remaja yang mudah percaya kepada seseorang yang tidak dikenali (hanya kenal dan berhubung melalui ruang siber) akan membuka ruang seseorang yang berniat jahat mengambil peluang ke atasnya. Tahap kematangan yang rendah serta pengaruh emosi serta tekanan keinginan biologi tanpa kawalan social dan undang-undang yang benar-benar ketat mendorong berlakunya hubungan rapat yang tidak sepatutnya berlaku.

Struktur masyarakat, persekitaran kejiranan serta struktur keluarga memudahkan seseorang yang berniat jahat mengambil peluang ke atas seseorang. Misalnya seorang gadis yang tinggal di kawasan yang jiran-jirannya tidak saling mengenali di antara satu sama lain dan kedua-dua ibubapanya bekerja dengan kemudahan ICT akan memudah dan

mendorong dia berhubung dengan seseorang yang tidak dikenalinya. Keadaan akan menjadi lebih mudah jika si-gadis itu berada dalam kesunyian serta si-lelaki yang dikenalinya itu pula benar-benar pandai berpura-pura bersifat baik padanya. Kes-kes gadis hilang dan mengikuti lelaki yang tidak sepatutnya dipercayai mempunyai hubungan dengan persoalan ini. Bahkan ada kes yang si-gadis yang berkenalan melalui alam siber ini, sanggup terbang ke luar negara (ke Amerika Syarikat dan ke United Kingdom dan sebagainya) semata-mata kerana benar-benar percaya berdasarkan semata-mata maklumat daripada komputer. Melalui ICT dan salah guna serta salahtafsir telah banyak gadis-gadis yang menjadi mangsa dan telah diperdagangkan dan dijadikan mangsa oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

3.Terlibat atau melibatkan dengan penipuan-penipuan berbentuk kewangan secara terlindung. Penipuan dalam bentuk kewangan ini telah semakin merebak dan semakin ramai mangsanya. Penipuan yang bermotifkan kewangan ini dilakukan dengan banyak cara di antara contohnya; tawaran hadiah tertentu kepada seseorang kerana telah terpilih berdasarkan sesuatu sebab (misalnya alamat e-mail anda bertuah melalui pilihan rambang); kerjasama dalam pengurusan membawa keluar dana-dana tertentu dalam jumlah yang besar (misalnya 2 juta USD) dan juga kategori yang lebih kecil jumlahnya seperti anda telah menerima sebuah kotak hadiah tetapi mesti membayar (melalui pindahan akaun bank atau kad kredit) sebelum hadiah itu dapat dihantar dan dituntut. Walaupun kadang-kadang mangsa terasa bahawa ianya mungkin ditipu, tetapi

kadang-kadang penipuan terlindung ini licik dan banyak juga mangsa yang terkena tipu.

CADANGAN PENYELESAIAN TERHADAP AMALAN/SALAH GUNA YANG BIASA BERLAKU DALAM MASYARAKAT KITA.

Bahagian ini akan membincangkan beberapa cadangan kepada masalah yang timbul bagi mengelakkan kesan negatif akibat daripada semakin meluasnya pengaruh dan salahguna ICT dan semakin rendah/keruntuhan nilai-nilai tradisi, agama, moral dan etika.

1. Bagi mengelak daripada anak-anak remaja melayari sumber-sumber/cerita-cerita atau gambar-gambar yang tidak bermoral, pertamanya kesedaran perlu diberikan lebih awal tentang bahaya dan kesan buruknya perbuatan itu. Misalnya seseorang ibubapa dapat menyatakan dalam bentuk nasihat yang penuh berhemah bahawa perbuatan itu akan membawa kesan yang buruk. Ini perlu dilakukan sebelum daripada seseorang itu melakukannya. Ini harus dilakukan sejak dari awal lagi, jangan anak-anak itu sudah terbiasa kerana nasihat dan larangan itu akan menjadi lebih sukar untuk dipatuhi sepenuhnya. Perkara ini juga mesti dikaitkan dengan kesedaran agama bahawa apa yang kita lakukan di dunia ini akan direkod semuanya (sebagaimana keupayaan computer boleh merekodkan segala maklumat, bahkan kerja-kerja Allah adalah jauh lebih canggih). Nanti di akhirat semua ini akan di cetak oleh **printer** Allah (kita tak dapat bayangkan bagaimana canggihnya **printer** Allah kerana berupaya mencetak semua rekod manusia daripada Nabi Adam sehingga hari kiamat). Nanti semua perkara yang kita lakukan di dunia ini (termasuklah

melihat gambar yang tidak sopan/lucah) akan dihadapkan di mahkamah Allah di akhirat nanti. Oleh itu layarilah ruangan yang mempunyai manfaat kerana ianya juga kan *diprint* oleh printer Allah di akhirat nanti. Kanak-kanak yang mempunyai asas agama akan lebih mudah memahami dan menerima nasihat yang sebegini.

Selain daripada nasihat berdasarkan agama ini, anak-anak remaja jangan terlalu bebas penggunaan computer (terutamanya komputer riba). Jangan dibiarkan menggunakan computer dalam bilik yang tertutup, kerana ini lebih memungkinkan dia ter dorong melayari ruangan yang kurang baik dan merosakkan fikiran dan pemikiran. Letaklah komputer di ruang rumah yang tidak tertutup dan juga berikan had masa yang tertentu bagi penggunaan bagi setiap orang anak. Jangan sekali-kali membiarkan anak-anak remaja bebas menggunakan computer semasa ibu-bapa tiada di rumah.

2. Bagi mengelak daripada anak-remaja berhubung rapat dengan orang yang tidak dikenali secara terbuka dan penuh percaya, seharusnya ibubapa dan juga guru-guru menjelaskan akan bahayanya dalam bentuk penerangan yang boleh meyakinkan mereka serta contoh-contoh buruk yang telah berlaku akibat daripada terlalu percaya terhadap orang yang tidak dikenali (hanya melalui kemudahan ICT).

Jangan memberikan maklumat-maklumat peribadi yang lengkap kepada kenalan yang sedemikian, misalnya alamat rumah, data-data peribadi seperti umur, no. mykad, gambar peribadi, maklumat ibubapa secara terperinci dan seumpamanya. Maklumat ini semua akan boleh digunakan

bagi tujuan-tujuan jahat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan mengambil perluang menangguh di air keruh.

3.Bagi mengelak daripada seseorang itu terlibat atau terlibat dengan penipuan-penipuan berbentuk kewangan secara terlindung hendaklah sentiasa diingatkan bahawa kerja-kerja begini nanti akan dapat dikesan dan akan dibawa kemuka pengadilan. Kalau pun tidak dapat dikesan dan gagal dibawa kemuka pengadilan, kerja-kerja begini nanti tidak akan mendapat berkat dan hilang begitu sahaja sebarang hasil yang diperolehnya.

Anak remaja khususnya hendaklah sentiasa diingat bahawa jangan melakukan apa-apa bayaran tanpa kenyataan daripada badan-badan yang sahih kebenaran dan autoriti yang jelas. Tanpa invois yang sah kita tidak akan dapat berbuat apa-apa mengikut saluran undang-undang jika timbul apa-apa masalah nanti. Tegaskan kepada anak-anak bahawa tidak ada sesuatu yang akan kita dapati dengan mudah, apatah lagi jumlah wang atau apa-apa ganjaran yang besar tidak akan diberi dengan mudah dan percuma.

KESIMPULAN DAN RUMUSAN

Kertas kerja ini merumuskan bahawa pengaruh ICT dalam tahap kemodenan dan kehidupan masa kini tidak dapat dielakkan dan mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan khususnya generasi muda. Ianya telah menjadi sebahagian daripada kehidupan moden kini

yang akan terus meningkat penggunaan dan pengaruhnya dari masa ke semasa. Penggunaan dan pengaruh dalam kehidupan masyarakat Malaysia kini sudah tidak dapat dipisahkan dengan ICT dalam banyak aspek kehidupan. Bagi mengelak/mengurangkan kesan negatif dan menghancurkan nilai-nilai positif agama dan budaya masyarakat kita serta menjamin survival nilai-nilai positif masyarakat, semua pihak dan dari berbagai peringkat mestilah memainkan peranan mengukuhkan nilai agama, moral dan etika masyarakat kita, khususnya bagi generasi muda bagi mengelak daripada kesan negatif yang akan semakin parah. Kesan negatif sukar dihapuskan sepenuhnya, tetapi apa yang mungkin dapat dilakukan adalah tingkatkan kesan positif dan kurang kan kesan yang negatif. Dasar-dasar kerajaan berkaitan dengan pendidikan dan budaya mestilah juga meletakkan isu salah guna dan kesan negatif ICT ini sebagai suatu yang penting bagi pemodenan dan pembangunan Negara bangsa Malaysia.

BACAAN LANJUT:

O'Donnell, M., 1992, *A New Introduction to Sociology* (third edition), Surrey: Thomas Nelson and Sons.

Ojo, T., 2004, 'Old Paradigm and Information & Communication Technologies for Development Agenda in Africa: Modernization as Context,' *Journal of Information Technology Impact*, vol. 4, no. 3, hal. 139-150.

Schaefer, R.T., 2006, *Sociology: A Brief Introduction* (sixth edition), New York: McGraw-Hill.

Schiller, H., 1976, *Communication and Cultural Domination*, New York: International Arts and Science Press.

Schramm, W., 1964, *Mass Media and National Development*, California: Stanford University Press.

Steinberg, L., 2005, *Adolescence* (seventh edition), New York: McGraw-Hill.